

SPAD dalam proses kaji semula tambang bas ekspres

? Cadangan Persatuan Pengusaha Bas Seluruh Malaysia (PMBOA) untuk menaikkan tambang bas merunsingkan orang ramai, terutama pelajar yang menuntut jauh dari kampung halaman. Apakah inisiatif dilaksana Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi menangani keadaan ini.

Norhafizah Azizan
Universiti Sains Islam Malaysia
Nilai, Negeri Sembilan

! Sehingga kini, SPAD tidak memberi sebarang kelulusan bagi menaikkan tambang bas ekspres seperti diminta sesetengah pihak. Kelulusan SPAD untuk mengenakan surcaj 10 peratus oleh pengusaha pada musim perayaan bagi menampung kos operasi tinggi kerana mereka menyediakan perkhidmatan tambahan bagi memenuhi permintaan pengguna.

Pihak pengusaha hanya boleh mengenakan surcaj 10 peratus ini bagi tempoh dua bulan saja iaitu bermula 8 Julai hingga 8 September ini. Penetapan kadar 10 peratus dan tindakan mengehadkan tempoh itu diambil supaya tidak membebankan rakyat dan pengusaha secara keseluruhan.

Lanjutan daripada permintaan pengusaha menaikkan tambang bas, SPAD kini dalam proses mengkaji semula tambang bas dengan mengambil kira reaksi pengguna, kos operasi dan



SUARA KOMUNITI

Suara Komuniti mengetengahkan masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Aduan kehilangan kenalan, keluarga atau ingin mencari saksi juga boleh diajukan ke e-mel suarakomuniti@bh.com.my.

usaha meningkatkan mutu perkhidmatan. Hasil kajian ini akan dikemukakan kepada kerajaan sebelum keputusan diumumkan.

Mengenai kerjasama SPAD dan Kementerian Pendidikan untuk memberi diskaun dan membantu pelajar menggunakan pengangkutan awam, kita akan meneliti cadangan berkenaan. Pelajar boleh menggunakan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) dan menikmati diskaun jika menggunakan pengangkutan awam. Maklumat lanjut dan senarai syarikat pengangkutan awam yang terbabit dalam skim ini boleh dilawati di laman web KADS1M www.1pengguna.com. Untuk sebarang pertanyaan atau aduan mengenai perkhidmatan pengangkutan awam darat boleh menghubungi nombor hotline SPAD di talian 1-800-88-7723.

Mohd Nur Kamal
Ketua Pegawai Eksekutif SPAD